

**Pas cabul amalan federalisme  
Utusan Online  
15 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 14 Mac - Seorang ahli Parlimen membidas tindakan pembangkang khususnya Pas yang jelas mencabul amalan federalisme apabila mencampuri urusan pentadbiran negeri Kedah melalui penubuhan sebuah Jawatankuasa Pemandu di peringkat Pas Pusat.

Khairy Jamaluddin (BN-Rembau) ketika mencelah memberi mesej yang cukup ringkas, padat dan jelas berhubung isu berkenaan dengan menyatakan; "Federalisme dicabul, negeri berdaulat diambil kuasanya."

Khairy bangkit membuat kenyataan tersebut selepas Dr. Dzulkefly Ahmad (Pas-Kuala Selangor) dengan sewenang-wenangnya menuduh Kerajaan Pusat tidak menghormati konsep federalisme yang selama ini menjadi teras pemerintahan negara.

Celahan itu dibuat semasa Datuk Abdul Rahman Dahlan (BN-Kota Belud) membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Sementara itu ketika bercakap lebih lanjut kepada *Utusan Malaysia*, Khairy berkata, pihak pembangkang mendakwa mereka menghormati konsep federalisme, tetapi kuasa Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan kerajaan negeri telah dirampas serta dicabul oleh sebuah Jawatankuasa Pemandu yang ditubuhkan di peringkat Pas Pusat.

"Ini menghina Sultan dan Perlembagaan negeri," kata Khairy lagi.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu berkata, Pas sebenarnya tidak layak untuk bercakap mengenai federalisme kerana parti itu langsung tidak menghormati kuasa yang ada pada kerajaan negeri Kedah.

Keadaan yang berlaku itu kata beliau, menyerlahkan lagi sikap sebenar Pas yang hanya pandai bercakap sahaja.

"Mereka ini cakap tidak serupa bikin," ujar Ahli Parlimen Rembau itu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0315&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0315&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm)